

Headline	Lima pasukan sambar slot TNB LHRM 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,150		



## Lima pasukan sambar slot TNB LHRM 2019

LIMA pasukan meneguhkan slot terakhir dalam saingan TNB Liga Hoki Remaja Malaysia 2019 (TNB LHRM 2019) selepas mengharungi pusingan kedua *playoff* yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil kelmarin.

MSN-PHT-MSST, Sabah JR 2022, KL-Wipers, MSN/SSN Young Lion Perlis dan BJSS JR 2022 akan menyertai sembilan lagi pasukan dalam saingan liga yang akan membuka tirainya Jumaat ini.

Hasil kutipan mata keseluruhan menyaksikan kedudukan teratas bagi perlawanan *playoff* milik MSN-PHT-MSST yang mengumpul enam mata diikuti Sabah JR 2022 di kedudukan kedua dengan lima mata.

KL-Wipers yang turut mengumpul lima mata berada di kedudukan ketiga dengan perbezaan jaringan manakala MSN/SSN Young Lion Perlis di kedudukan keempat dan BJSS JR 2022 di tangga kelima.

Dalam salah satu aksi *playoff* tersebut, BJSS JR 2022 dan Sabah JR 2022 menampilkan aksi bertenaga sehingga mengheret perlawanan ke penentuan *shoot-out*

apabila aksi 60 minit berkesudahan seri 2-2 sebelum kemenangan menjadi milik Sabah JR 2022.

BJSS JR 2022 membuka tirai jaringan pada minit ke-18 menerusi jaringan padang kapten pasukan, Muhd Halif Mohd Fadzly sebelum Sabah JR 2022 kembali mengikat kedudukan pada minit ke-29 hasil gol padang Yehzekoven Rinol.

Seminit selepas aksi separuh masa kedua bermula, Sabah JR 2022 berjaya berada di depan seketika hasil pukulan sudut penalti yang disudahkan oleh kapten pasukan, Muhammad Daniel Hakim dan jaringan penyamaan BJSS JR 2022 hadir pada minit ke-44 menerusi Shafy Shahyym Huzzeini Shahrul Azran Huzzeini.

Sementara itu, MSN-PHT-MSST yang berpesta gol pada Jumaat lalu tidak berdepan sebarang masalah untuk memastikan slot mereka terjamin dalam saingan utama TNB LHRM 2019 apabila mencatat kemenangan kedua berturut-turut menewaskan PHNS/MSSNS/MSN 3-0 hasil pukulan sudut penalti pada minit keenam, 34 dan 42.